



GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR BAGI MAKSUD PERDAGANGAN ATAU PERNIAGAAN

PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

EDISI 2021

ISI KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
1.	Pengenalan	3
2.	Skop	3
3.	Definisi	4
	BAHAGIAN 1: PANDUAN PERMOHONAN	6
4.	Syarat-Syarat Permohonan	
5.	Prosedur Permohonan	6
6.	Manual Kawalan Keselamatan Air Dari Mesin Jual Air	7
7.	Proses Kelulusan	7
8.	Tempoh Sahlaku Lesen	11
9.	Pemantauan	12
10.	Pembaharuan Lesen	12
11.	Permohonan Pindaan Lesen	13
12.	Cetakan Semula Lesen	14
13.	Penggantungan Lesen	15
14.	Pembatalan Lesen	15
15.	Tindakan Penguatkuasaan	16
16.	Pengecualian	16
	BAHAGIAN 2: KEPERLUAN SPESIFIK	
17.	Keperluan Spesifik	17
	17.1 Lokasi	
	17.2 Rekabentuk	
	17.3 Kebersihan dan Sanitasi	
	17.4 Penyelenggaraan	
	17.5 Bekalan Air	
	17.6 Kawalan Operasi	
	BAHAGIAN 3 : PELABELAN	
18.	Keperluan Pelabelan	19
	LAIN-LAIN	
19.	Pertanyaan	20
20.	Rujukan	20
21.	Senarai Lampiran dan Jadual	21
	Penghargaan	38

1.0 PENGENALAN

1.1 Garis Panduan Permohonan Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan merupakan panduan kepada pemilik mesin jual air untuk membuat permohonan Lesen Bagi Mengendalikan Mesin Jual Air.

1.2 Garis panduan ini terbahagi kepada tiga Bahagian iaitu :

- a. Bahagian 1: Panduan Permohonan
- b. Bahagian 2: Keperluan Spesifik
- c. Bahagian 3 : Pelabelan

1.3 Di bawah Peraturan 360C, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 telah memperuntukkan:

1.3.1 Air daripada mesin jual air hendaklah melalui ketiga-tiga proses berikut:

- i. proses penurasan
- ii. osmosis songsang, penyulingan, pengionan atau proses yang setara; dan
- iii. penyahjangkitan

1.3.2 Air daripada mesin jual air hendaklah mematuhi standard yang ditetapkan dalam Jadual Kedua Puluh Lima, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

1.3.3 Pemilik mesin jual air perlu mendapatkan lesen daripada Kementerian Kesihatan Malaysia setelah mesin siap dipasang dan sedia untuk beroperasi bagi tujuan perdagangan atau perniagaan.

1.4 Manakala, peruntukan di bawah Peraturan 53 dan 55, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 menetapkan perkara seperti berikut:

- i. mesin jual air hendaklah dilabelkan dengan nama dan alamat berdaftar serta diletakkan di kawasan yang sesuai dan jauh dari pencemaran.
- ii. reka bentuknya memudahkan pembersihan dan penyelenggaraan serta diperbuat daripada bahan yang tahan kakisan dan tidak telap air.
- iii. mempunyai sistem yang efektif untuk mengendalikan limpahan air/ kebocoran, aliran balik dan menghentikan operasi apabila proses penyahjangkitan tidak berfungsi.

2.0 SKOP

Garis panduan ini terpakai kepada semua pemilik mesin jual air bagi tujuan perdagangan atau perniagaan dan mesin jual air yang mendispens air minuman tanpa apa-apa bahan tambah.

3.0 DEFINISI

Bagi garis panduan ini, definisi berikut adalah terpakai :

3.1 Pengarah

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan Malaysia (TKPK (KA) adalah dirujuk sebagai Pengarah di bawah peruntukan Akta Makanan 1983)

3.2 KKM

Kementerian Kesihatan Malaysia

3.3 PKK

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan

3.4 JKN

Jabatan Kesihatan Negeri

3.5 PKD/ PKB/ PKK

Pejabat Kesihatan Daerah/ Pejabat Kesihatan Bahagian / Pejabat Kesihatan Kawasan

3.6 Pemilik Mesin Jual Air

Individu atau syarikat yang merupakan pemilik mesin jual air.

3.7 Mesin jual air

Mesin layan diri yang apabila dimasukkan syiling, token atau melalui apa-apa cara lain akan mengeluarkan air secara automatik untuk diminum atau kegunaan lain (Peraturan 360C, Peraturan-Peraturan Makanan 1985).

3.8 Air dari mesin jual air

Air yang dikeluarkan daripada mesin jual air dan mematuhi standard mengikut Jadual Kedua Puluh Lima, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

3.9 Manual Kawalan Keselamatan Air Dari Mesin Jual Air

Dokumen yang menjelaskan aktiviti pelaksanaan kawalan keselamatan bagi air dari mesin jual air.

3.10 Audit Kecukupan

Audit Kecukupan merupakan aktiviti semakan Manual Kawalan Keselamatan untuk memastikan manual tersebut merangkumi semua elemen di dalam garis panduan permohonan lesen

3.11 Verifikasi Mesin Jual Air

Melibatkan aktiviti audit dan pemeriksaan berasaskan bukti yang dilakukan di lapangan secara bebas dan sistematik, dilakukan oleh anggota terlatih, bagi mengenalpasti kepatuhan terhadap elemen dan aktiviti keselamatan makanan berdasarkan keperluan Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

3.12 Makmal diluluskan

Makmal yang diluluskan oleh Menteri di bawah Seksyen 3A, Akta Makanan 1983 iaitu Jabatan Kimia Malaysia.

3.13 Makmal diakreditasi

Makmal yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia (DSM) dan diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

3.14 Ketidakpatuhan

Aktiviti yang dijalankan tidak mematuhi atau tidak mengikut prosedur sedia ada.

3.15 Permintaan Tindakan Pembetulan (Corrective Action Request)

Ketidakpatuhan yang didokumenkan oleh pegawai verifikasi dan memerlukan tindakan pembetulan oleh pemohon.

3.16 Pensampelan

Pensampelan yang dijalankan oleh pegawai berkuasa Akta Makanan 1983, Kementerian Kesihatan Malaysia ke atas air dari mesin jual air untuk tujuan kelulusan lesen, pemantauan KKM atau pada bila-bila masa mengikut keperluan.

3.17 Pensampelan (Pemantauan Sendiri)

Pensampelan yang dijalankan sendiri oleh pemegang lesen bagi tujuan pemantauan.

3.18 Juruaudit

Pegawai Teknologi Makanan / Penolong Pegawai Teknologi Makanan / Pegawai Kesihatan Persekitaran / Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran yang berkhidmat di PKK / JKN / PKD / PKB / PKK

BAHAGIAN 1 : PANDUAN PERMOHONAN

4.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Pemilik mesin jual air yang ingin memohon **Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan** perlu mematuhi syarat- syarat berikut :

- 4.1 Mesin telah siap dipasang dan sedia untuk beroperasi tetapi air yang didispens tidak boleh dijual sehingga dilesenkan.
- 4.2 Mempunyai Manual Kawalan Keselamatan Air Dari Mesin Jual Air dengan kandungan minimum.
- 4.3 Menyediakan surat atau dokumen persetujuan dengan pemilik premis atau pemunya sumber bekalan air dan elektrik, jika pemilik premis dan pemilik mesin jual air adalah orang yang berlainan.
- 4.4 Memahami semua terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 4.5 Adalah menjadi tanggungjawab pemilik mesin jual air mematuhi keperluan-keperluan lain yang ditetapkan di bawah agensi-agensi lain yang berkaitan (Contoh : PBT, DOSH, JKR dan sebagainya).

5.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian (*online*) melalui laman sesawang Food Safety Information System of Malaysia (FoSIM) (Pautan : <http://fosim.moh.gov.my>).

Nota : Panduan cara-cara pengisian permohonan dalam sistem FoSIM boleh merujuk kepada Manual Pelesenan Mesin Jual Air (Pemohon) menerusi laman FoSIM.

- 5.2 Pemohon dibenarkan menghantar permohonan maksima lima (5) mesin jual air sahaja dalam satu proses permohonan dengan syarat semua mesin jual air tersebut berada di dalam daerah yang sama. Pelaksanaan ini terpakai untuk permohonan baru dan pembaharuan.
- 5.3 Pemohon hendaklah memuatnaik dokumen sokongan ke dalam FoSIM semasa membuat permohonan.
- 5.4 Dokumen sokongan yang perlu dimuatnaik adalah seperti berikut:
 - 5.4.1 Salinan kad pengenalan pemohon.

- 5.4.2 Salinan surat atau dokumen persetujuan dengan pemilik premis atau pemunya sumber bekalan air dan elektrik (jika berkenaan).
- 5.4.3 Manual Kawalan Keselamatan Air Dari Mesin Jual Air.
- 5.5 Selepas permohonan dan dokumen sokongan dihantar, pemohon akan menerima notifikasi melalui sistem FoSIM untuk membuat bayaran **fi proses**.
 - 5.5.1 Fi proses adalah sebanyak RM 130.00 bagi setiap permohonan.
 - 5.5.2 Bayaran fi proses hanya dikenakan untuk **permohonan baru sahaja**.
 - 5.5.3 Kaedah bayaran bagi fi proses adalah secara dalam talian melalui sistem FoSIM.
 - 5.5.4 Permohonan hanya dianggap lengkap selepas bayaran fi proses dijelaskan.
 - 5.5.5 Sekiranya bayaran tidak dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas menerima notifikasi, permohonan akan terbatal dan pemohon perlu mengemukakan permohonan semula.

Nota : Rujuk Carta Alir Permohonan Baru Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan (Lampiran 1)

6.0 MANUAL KAWALAN KESELAMATAN AIR DARI MESIN JUAL AIR

- 6.1 Pemohon perlu menyediakan satu manual kawalan keselamatan air dari mesin jual air untuk memastikan proses rawatan air dijalankan dengan berkesan.
- 6.2 Manual ini hendaklah mengandungi semua elemen yang terdiri daripada maklumat reka bentuk mesin, proses rawatan air, pembersihan dan penyelenggaraan, kawalan bekalan air serta kawalan produk akhir.
- 6.3 Pemohon boleh merujuk kepada Contoh Manual Kawalan Keselamatan Air Dari Mesin Jual Air di laman sesawang PKKM <http://fsq.moh.gov.my> untuk menyediakan manual tersebut.

7.0 PROSES KELULUSAN

7.1 Semakan Maklumat dan Dokumen Permohonan

- 7.1.1 Maklumat permohonan, dokumen sokongan dan manual yang dikemukakan dalam sistem FoSIM akan disemak oleh pihak PKD/PKB/PKK.
- 7.1.2 PKD/PKB/PKK akan memproses permohonan yang lengkap manakala permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada pemohon melalui maklumbalas dalam sistem FoSIM.
- 7.1.3 Sekiranya pemohon menghantar permohonan lebih daripada 5 mesin jual air dalam satu proses permohonan, permohonan akan dikembalikan kepada pemohon. Pemohon perlu mengemaskini semula permohonan dengan mengemukakan 5 mesin

jual air dalam satu permohonan sahaja. Pelaksanaan ini juga terpakai untuk permohonan MJA yang berada di daerah yang berlainan.

7.2 Verifikasi Mesin Jual Air

- 7.2.1 Makluman verifikasi akan dimaklumkan oleh PKD/PKB/PKK kepada pemohon melalui FoSIM setelah tarikh verifikasi mesin jual air dipersetujui bersama di antara juruaudit di PKD/PKB/PKK dan pemohon.
- 7.2.2 Verifikasi akan dibuat oleh juruaudit berdasarkan kepatuhan kepada elemen-elemen yang telah ditetapkan dalam garis panduan ini.
- 7.2.3 Sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan semasa verifikasi dijalankan, Permintaan Tindakan Pembetulan [*Corrective Action Request (CAR)*] akan dikeluarkan kepada pemohon.
- 7.2.4 Pemohon hendaklah mengemukakan maklumbalas bagi semua CAR yang dikeluarkan semasa verifikasi dengan melengkapkan borang CAR berserta bukti bergambar atau dokumen sokongan yang berkaitan melalui sistem FoSIM **dalam tempoh 14 hari**.
- 7.2.5 Sekiranya perlu, verifikasi susulan akan dijalankan bagi mengesahkan semua CAR telah diambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

7.3 Pensampelan

7.3.1 Pensampelan Bagi Tujuan Kelulusan Lesen (Permohonan Baru)

7.3.1.1 Pensampelan dijalankan bagi tujuan memastikan tahap kepatuhan air yang dihasilkan dari mesin jual air adalah mengikut Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Parameter pensampelan yang diwajibkan adalah seperti berikut:

Jenis Parameter	Parameter
Kimia	1. Aluminium (Al)
	2. Ammonia (N)
	3. Arsenik (As)
	4. Ferum (Fe)
	5. Plumbum (Pb)
	6. Nitrit (NO ₂)
Bakteriologi	1. Jumlah koliform (<i>Total coliform</i>)
	2. <i>Escherichia coli</i> atau koliform termotoleran
	3. <i>Clostridium perfringens</i>

7.3.1.2 Selepas verifikasi dijalankan :

- i. Sekiranya tiada CAR dikeluarkan, pensampelan akan dijalankan **dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.**
- ii. Sekiranya terdapat CAR, pensampelan akan dijalankan **dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas CAR ditutup.**

7.3.1.3 Pemohon perlu menyediakan kemudahan yang mencukupi untuk tujuan pensampelan (Rujuk Nota dalam Jadual B : Jadual Panduan Pensampelan Bagi Pelesenan Mesin Jual Air).

7.3.1.4 Sampel perlu dihantar oleh pemohon ke makmal-makmal yang diluluskan atau makmal-makmal swasta yang diiktiraf oleh KKM. Pemohon digalakkan menghubungi makmal yang berkenaan terlebih dahulu bagi urusan penghantaran sampel.

7.3.1.5 Pemohon hendaklah mengemukakan sijil analisis (CoA) keputusan pensampelan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja ke PKD/PKB/PKK dari tarikh CoA diterima oleh pemohon.

7.3.2 **Pensampelan Semula Sekiranya Terdapat Pelanggaran Sampel Semasa Proses Kelulusan Lesen (Permohonan Baru)**

7.3.2.1 Sekiranya terdapat pelanggaran ke atas sampel yang telah dianalisis, pemohon perlu menjalankan siasatan terhadap punca pelanggaran dan membuat tindakan pembetulan **dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh laporan keputusan analisis (CoA) diterima oleh pihak PKD/PKB/PKK.**

7.3.2.2 Pemohon perlu memaklumkan kepada PKD/PKB/PKK setelah semua tindakan pembetulan diambil. PKD/PKB/PKK akan menjalankan verifikasi ke atas semua tindakan pembetulan tersebut.

7.3.2.3 Pensampelan semula akan dijalankan setelah semua tindakan pembetulan memuaskan. **Had kekerapan pensampelan semula adalah sebanyak dua (2) kali.**

7.3.2.4 Sampel perlu dihantar oleh pemohon ke makmal-makmal yang diluluskan atau makmal-makmal swasta yang diiktiraf oleh KKM. (rujuk Lampiran 4). Pemohon digalakkan menghubungi makmal yang berkenaan terlebih dahulu bagi urusan penghantaran sampel.

7.3.2.5 Sekiranya keputusan pensampelan masih tidak mematuhi, permohonan akan terbatal dan tindakan penguatkuasaan akan diambil mengikut prosedur penguatkuasaan.

7.4 Laporan Akhir

- 7.4.1 PKD/PKB/PKK akan menyediakan laporan akhir permohonan dengan mengemaskini maklumat verifikasi dan pensampelan ke dalam sistem FoSIM setelah semua tindakan pembetulan serta laporan keputusan analisis pensampelan mematuhi.
- 7.4.2 PKD/PKB/PKK akan mengesahkan dan menyokong laporan akhir permohonan sebelum dihantar untuk perakuan JKN.
- 7.4.3 PKD/PKB/PKK perlu memaklumkan JKN permohonan mesin jual air yang telah disokong untuk perakuan dan mengemukakan dokumen berikut ke JKN:
- i. Senarai Semak Permohonan (KKM-MJA 1/2020 Pin. 1)
 - ii. Surat Iringan
- 7.4.4 Selepas laporan akhir dihantar, pemohon akan menerima notifikasi melalui sistem FoSIM untuk membuat bayaran **fi lesen**.
- 7.4.4.1 Pemohon perlu mengemukakan bayaran fi lesen sebanyak RM 150.00 bagi setiap bagi setiap mesin jual air.
- 7.4.4.2 Bayaran fi lesen dikenakan untuk **permohonan baru dan pembaharuan**.
- 7.4.4.3 Kaedah bayaran bagi fi lesen adalah secara dalam talian melalui sistem FoSIM.
- 7.4.4.4 Permohonan hanya boleh diteruskan untuk perakuan JKN selepas bayaran fi lesen dijelaskan oleh pemohon.
- 7.4.4.5 Bagi mesin jual air yang mempunyai satu (1) sistem rawatan dengan beberapa muncung pendispens, fi lesen hanya dikenakan sebanyak RM150.00 sahaja.
- 7.4.4.6 Sekiranya bayaran tidak dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas menerima notifikasi, permohonan akan dibatalkan dan pemohon perlu mengemukakan permohonan semula.

7.5 Perakuan JKN

- 7.5.1 JKN akan menyemak permohonan melalui sistem FoSIM mengikut Senarai Semak Permohonan (KKM-MJA 1/2020 Pin. 1) yang dikemukakan oleh PKD/PKB/PKK.

7.5.2 Setelah memastikan kesemua keperluan pelesenan dipenuhi (kecukupan dokumen, penutupan ketidakpatuhan dan keputusan analisis sampel), JKN akan membuat perakuan pada Senarai Semak Permohonan (KKM-MJA 1/2020 Pin. 1) **dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.**

7.5.3 JKN akan mengemukakan dokumen berikut ke PKKMM :

- i. Senarai Semak Permohonan (KKM-MJA 1/2020 Pin. 1)
- ii. Surat Iringan (rujuk Lampiran 8)

7.6 Kelulusan Lesen

7.6.1 PKKMM akan menyemak permohonan melalui sistem FoSIM mengikut Senarai Semak Permohonan (KKM-MJA 1/2020 Pin. 1) yang dikemukakan oleh JKN.

7.6.2 Permohonan lengkap akan diproses bagi tujuan kelulusan. (Nota: Permohonan lengkap merangkumi kepatuhan dokumen, keputusan analisis (jika berkenaan), verifikasi dan maklumbalas verifikasi)

7.6.3 Sekiranya permohonan tidak lengkap, PKKMM akan memberikan notifikasi kepada pemohon atau PKD/PKB/PKK untuk mengemukakan maklumbalas.

7.6.4 Senarai permohonan lesen mesin jual air akan dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Air Minuman Berbungkus, Air Mineral Semulajadi, Ais dan Mesin Jual Air untuk kelulusan.

7.6.5 Lesen akan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan daripada Pengarah.

7.6.6 Sekiranya mesin jual air tidak mendapat lesen dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh permohonan lesen tanpa sebab yang munasabah, permohonan akan dibatalkan dan pemohon perlu mengemukakan permohonan semula lesen sebagai permohonan baru (Rujuk Klausula 5.0).

8.0 TEMPOH SAHLAKU LESEN

Tempoh sahlaku lesen adalah dua (2) tahun daripada tarikh lesen dikeluarkan.

9.0 PEMANTAUAN

9.1 Pemantauan Sendiri

- 9.1.1 Pemantauan sendiri dijalankan oleh pemohon setelah kelulusan lesen diperolehi daripada PKKM.
- 9.1.2 Pemantauan sendiri hendaklah dijalankan ke atas air dari mesin jual air bagi parameter warna, bau dan rasa sekurang-kurangnya sebulan sekali berdasarkan sistem FoSIM.
- 9.1.3 Hasil pemantauan sendiri perlu direkodkan ke dalam sistem FoSIM.

9.2 Pemantauan KKM

- 9.2.1 JKN perlu memastikan pemantauan dilaksanakan oleh PKD/PKB/PKK bagi setiap MJA sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh pelesenan berdasarkan sistem FoSIM.
- 9.2.2 Pegawai JKN/PKD/PKB/PKK boleh menjalankan pemantauan ke atas mesin jual air pada bila-bila masa untuk memastikan keberkesanan kawalan keselamatan air dari mesin jual air.
- 9.2.3 Pegawai JKN/PKD/PKB/PKK akan menjalankan verifikasi bagi mengesahkan sama ada pemegang lesen telah menjalankan aktiviti pemantauan sendiri serta melaksanakan aktiviti pembersihan dan penyelenggaraan dengan berkesan.
- 9.2.4 Pensampelan bagi tujuan pemantauan KKM akan dijalankan sekiranya perlu. Sampel perlu dihantar oleh pemohon ke makmal-makmal yang diluluskan atau makmal-makmal swasta yang diiktiraf oleh KKM.
- 9.2.5 Maklumat verifikasi dan pensampelan (sekiranya dijalankan) perlu dimasukkan ke dalam sistem FoSIM.
- 9.2.6 Laporan verifikasi pemantauan boleh digunapakai untuk permohonan pembaharuan sekiranya verifikasi dijalankan dalam tempoh enam (6) bulan sebelum permohonan pembaharuan lengkap diterima.

Nota : Sila rujuk Manual Pelesenan MJA (Pemohon) bagi prosedur Pemantauan Sendiri melalui sistem FoSIM.

10.0 PEMBAHARUAN LESEN

- 10.1 Permohonan bagi pembaharuan lesen perlu dikemukakan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh sahlaku lesen.

10.1.1 Adalah menjadi tanggungjawab pemegang lesen untuk memastikan permohonan pembaharuan dikemukakan seperti Klausula 10.1.

10.1.2 JKN/PKD/PKB/PKK boleh mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap mesin jual air yang masih beroperasi selepas tamat tempoh.

10.1.3 Pemohon perlu mengemukakan permohonan baru bagi lesen yang telah tamat tempoh sahlaku.

Nota : Permohonan pembaharuan boleh dikemukakan seawal enam (6) bulan sebelum tamat tempoh sahlaku lesen.

10.2 Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem FoSIM.

10.3 Pemohon hendaklah memuatnaik dokumen sokongan (Rujuk Klausula 5.4) ke dalam FoSIM semasa mengisi borang permohonan sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat permohonan.

10.4 Pembaharuan lesen akan melibatkan proses verifikasi mesin jual air. Sekiranya mesin jual air didapati dalam keadaan yang tidak memuaskan, pensampelan air akan dijalankan.

Nota : Rujuk Carta Alir Permohonan Pembaharuan Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan (Lampiran 2).

11.0 PERMOHONAN PINDAAN LESEN

11.1 Perubahan Lokasi Mesin Jual Air

11.1.1 Mesin Jual Air Yang Belum Dilesenkan

Sekiranya mesin jual air berubah lokasi daripada alamat yang telah diisi dalam sistem FoSIM, pemohon hendaklah mengemukakan semula permohonan baru mengikut Prosedur Permohonan seperti di Klausula 5.0.

11.1.2 Mesin Jual Air Yang Telah Dilesenkan

Pemegang lesen perlu memaklumkan sekiranya ingin mengubah lokasi mesin jual air yang telah dilesenkan secara bertulis dan mengembalikan lesen tersebut ke PKD/PKB/PKK (salinan kepada JKN dan PKKM). Lesen di lokasi terdahulu akan dibatalkan. Permohonan baru perlu dikemukakan semula mengikut Prosedur Permohonan seperti di Klausula 5.0

11.2 Perubahan Pemilik Mesin Jual Air

11.2.1 Pemegang lesen perlu membuat permohonan pindaan lesen melalui sistem FoSIM sekiranya ingin menukar maklumat pemilik bagi mesin jual air yang telah dilesenkan dan memuatnaik dokumen berikut:

11.2.1.1 Salinan kad pengenalan pemilik baru

11.2.1.2 Salinan surat atau dokumen persetujuan dengan pemilik premis atau pemunya sumber bekalan air dan elektrik (jika berkenaan)

11.2.1.3 Lesen asal (dikembalikan ke PKD/PKB/PKK)

11.2.2 Pemilik baru hendaklah mengisi permohonan melalui sistem FoSIM dan dikecualikan bagi proses verifikasi dan pensampelan dengan syarat lesen tersebut masih dalam tempoh sahlaku.

11.2.3 Pemohon perlu membuat bayaran fi cetakan semula lesen (Rujuk Klausa 12.0)

11.2.4 Lesen mesin jual air bagi pemilik yang baru akan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan daripada Pengarah.

Nota : Sila rujuk Manual Pelesenan MJA (Pemohon) bagi prosedur Permohonan Cetakan Semula Lesen melalui sistem FoSIM.

11.3 Perubahan Sistem Rawatan Dalam Mesin Jual Air

11.3.1 Pemohon perlu membuat permohonan pindaan lesen melalui sistem FoSIM sekiranya ingin membuat perubahan ke atas sistem rawatan dalam mesin jual air yang telah dilesenkan berserta manual yang telah dikemaskini pada bahagian carta alir proses rawatan.

11.3.2 Sekiranya perlu, PKD/PKB/PKK akan menjalankan verifikasi ke atas sistem rawatan tersebut dan menjalankan pensampelan. Laporan akhir akan dijana oleh sistem FoSIM dan dihantar ke PKKM.

11.3.3 Surat kelulusan bagi sistem rawatan yang terkini akan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan daripada Pengarah.

Nota : Sila rujuk Manual Pelesenan MJA (Pemohon) bagi prosedur Permohonan Pindaan Lesen melalui sistem FoSIM.

12.0 CETAKAN SEMULA LESEN

12.1 Pemohon perlu membuat bayaran fi cetakan lesen yang baru sebanyak RM100.00 bagi setiap permohonan sekiranya terdapat perubahan pemilik MJA.

12.2 Bayaran perlu dibuat melalui kiriman wang/bank draf (tempoh sahlaku sekurang-kurangnya 2 bulan sebelum tamat tempoh bayaran) ke PKKM.

13.0 PENGGANTUNGAN LESEN

- 13.1 Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan akan digantung atas sebab-sebab berikut:
- 13.1.1 Pemegang lesen gagal mematuhi syarat-syarat pemegang lesen (Lampiran 6).
 - 13.1.2 Keputusan pensampelan bagi analisis air semasa pemantauan atau permohonan pembaharuan lesen melanggar Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
- 13.2 Tempoh penggantungan adalah bergantung kepada keputusan TKPK (KA).
- 13.3 Mesin jual air **tidak dibenarkan** untuk beroperasi bagi tujuan perdagangan atau perniagaan dan pemegang lesen perlu menjalankan tindakan pembedahan sepanjang tempoh penggantungan lesen (sekiranya melibatkan isu keselamatan makanan).
- 13.4 Sekiranya pemegang lesen gagal menjalankan tindakan pembedahan atau tiada penambahbaikan yang diambil dalam tempoh penggantungan lesen, tindakan pembatalan lesen boleh diambil.
- 13.5 Pelepasan dari tindakan penggantungan hanya akan dipertimbangkan sekiranya :
- 13.5.1 Pemegang lesen telah menjalankan tindakan pembedahan dalam tempoh penggantungan lesen dan telah mendapat pengesahan daripada JKN dan PKD/PKB/PKK.
 - 13.5.2 Pemegang lesen mengemukakan surat permohonan pelepasan dari penggantungan secara bertulis kepada TKPK (KA). Satu salinan surat perlu dikemukakan kepada PKKM, JKN dan PKD/PKB/PKK.

Nota : Sila rujuk Manual Pelesenan MJA (PKKM) bagi prosedur Tindakan Ke Atas Lesen melalui sistem FoSIM.

14.0 PEMBATALAN LESEN

- 14.1 Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan akan dibatalkan atas sebab-sebab berikut :
- 14.1.1 Terdapat permohonan membatalkan lesen secara sukarela dari pemegang lesen secara bertulis.
 - 14.1.2 Pemegang lesen mengubah lokasi mesin jual air yang telah diluluskan tanpa memaklumkan kepada pihak PKD/PKB/PKK.
 - 14.1.3 Pemegang lesen gagal menjalankan tindakan pembedahan atau tiada tindakan

penambahbaikan diambil ke atas arahan tindakan pembetulan yang dikeluarkan ketika proses permohonan pembaharuan dalam tempoh yang ditetapkan.

14.1.4 Pemegang lesen gagal menjalankan tindakan pembetulan atau tiada tindakan penambahbaikan diambil dalam tempoh penggantungan lesen.

14.2 Lesen akan ditarik balik apabila lesen dibatalkan.

14.3 Tindakan pembatalan lesen adalah tertakluk kepada arahan Pengarah.

14.4 Pemegang lesen boleh membuat permohonan semula sekiranya masih berminat untuk mengendalikan mesin tersebut.

Nota : Sila rujuk Manual Pelesenan MJA (PKKM) bagi prosedur Tindakan Ke Atas Lesen melalui sistem FoSIM.

15.0 TINDAKAN PENGUATKUASAAN

15.1 Tindakan penguatkuasaan akan diambil bagi mana-mana MJA yang tidak mematuhi keperluan perundangan.

16.0 PENGECCUALIAN

16.1 Pengarah berhak membatalkan mana-mana permohonan yang tidak mengikut syarat yang ditetapkan.

16.2 Pihak PKKM boleh memberi kebenaran atau pengecualian ke atas garis panduan ini bagi kes-kes tertentu (*case by case*).

BAHAGIAN 2 : KEPERLUAN SPESIFIK

17.0 KEPERLUAN SPESIFIK

17.1 Lokasi

- 17.1.1 Kawasan yang sesuai bagi melindungi air daripada pencemaran.
- 17.1.2 Ruang di sekeliling dan di bawah mesin mudah dicapai untuk tujuan pembersihan.
- 17.1.3 Bukan sarang atau tempat pembiakan makhluk perosak.
- 17.1.4 Lantai yang rata dan diperbuat daripada bahan yang tidak telap air, mudah dicuci dan dapat menahan cucian berulang kali.

17.2 Reka bentuk

- 17.2.1 Mempunyai reka bentuk yang memudahkan pembersihan dan penyelenggaraan dijalankan iaitu merangkumi permukaan luar dan dalam serta setiap komponen dalam mesin.
- 17.2.2 Bahagian dan permukaan yang bersentuhan dengan air hendaklah diperbuat daripada bahan yang sesuai, tidak toksik, tahan kakisan dan tidak telap serta boleh menahan pembersihan/ rawatan sanitasi yang berulang-ulang.
- 17.2.3 Mempunyai muncung pendispens yang tahan kakisan dan terlindung (*guarded*).
- 17.2.4 Mempunyai rekabentuk yang dapat memastikan apa-apa rawatan ke atas air dapat dilakukan dengan konsisten dan efektif.
- 17.2.5 Mempunyai sistem yang berkesan untuk mengumpul dan mengendalikan titisan, tumpahan atau limpahan air. Bekas yang digunakan untuk pengumpulan titisan, tumpahan atau limpahan air hendaklah tahan bocor, mudah dialih, dibersihkan dan tahan kakisan.
- 17.2.6 Mempunyai peranti atau rekabentuk yang dapat mencegah aliran balik (*backflow*) bagi semua sambungan dengan sumber bekalan air.
- 17.2.7 Mempunyai sistem penyahjangkit melalui proses pengozonan atau kaedah- kaedah lain yang diluluskan oleh Pengarah.
- 17.2.8 Mempunyai peranti pemantau yang berfungsi untuk menghentikan operasi apabila unit penyahjangkitan gagal berfungsi, atau boleh dimonitor setiap hari ketika dibuka atau boleh ditutup secara manual apabila unit penyahjangkitan gagal berfungsi.
- 17.2.9 Mempunyai pintu yang tutup sendiri secara automatik (*self-closing door*) bagi melindungi muncung pendispens ketika mesin tidak digunakan.

17.3 Kebersihan dan Sanitasi

- 17.3.1 Sentiasa berkeadaan bersih bagi mencegah pembiakan makhluk perosak.
- 17.3.2 Pembersihan perlu dibuat secara berkala. Kekerapan pembersihan adalah bergantung

kepada jenis mesin, lokasi dan faktor persekitaran.

17.3.3 Peralatan dan perkakasan dalaman perlu mudah dikeluarkan bagi tujuan pembersihan.

17.3.4 Jadual bagi aktiviti pembersihan perlu disediakan dan direkod.

17.3.5 Bahan kimia yang digunakan untuk tujuan pembersihan hendaklah dikendalikan mengikut arahan pengeluar bahan kimia tersebut.

17.4 Penyelenggaraan

17.4.1 Alatan seperti penapis dan peralatan lain perlu mudah dikeluarkan bagi tujuan pemeriksaan dan penggantian.

17.4.2 Jadual bagi aktiviti penyelenggaraan perlu disediakan dan direkod.

17.5 Bekalan Air

17.5.1 Bekalan air adalah daripada sumber bekalan air awam yang diluluskan.

17.5.2 Bekalan air adalah selamat dan mencukupi.

17.5.3 Sistem pembekalan air perlu direkabentuk sempurna bagi mengelakkan pencemaran dan aliran balik (*backflow*).

17.6 Kawalan Operasi

17.6.1 Pemantauan bulanan perlu dijalankan ke atas produk akhir bagi parameter warna, bau dan rasa setiap bulan.

BAHAGIAN 3 : PELABELAN

18.0 Pelabelan Pada Mesin Jual Air

Mesin jual air perlu mempunyai maklumat pelabelan seperti berikut :

- 18.1 Nama pemilik mesin jual air.
- 18.2 Alamat berdaftar/pemilik.
- 18.3 Alamat lokasi mesin.
- 18.4 Nombor telefon pemilik mesin jual air bagi tujuan aduan atau mendapatkan maklumat dan lain-lain.
- 18.5 Tidak boleh menyatakan sebarang tuntutan kesihatan.
- 18.6 Maklumat Lesen (setelah mendapat kelulusan)
 - 18.6.1 Maklumat lesen dalam bentuk kod QR (diberikan sekali sahaja dalam tempoh pelesenan) yang mempunyai maklumat lesen mesin jual air yang sah.
 - 18.6.2 1 kod QR mewakili 1 mesin jual air yang dilesenkan sahaja dan tidak boleh digunapakai untuk mesin jual air yang lain.
 - 18.6.3 Kad ini perlu dipamerkan dan mudah dilihat pada mesin jual air.
 - 18.6.4 Sekiranya kad ini hilang atau rosak, pemegang lesen perlu memohon semula salinan kod QR melalui JKN/PKD/PKB/PKK.

Nota : Kod QR diberikan kepada permohonan lesen MJA yang diluluskan bermula 1 September 2021.

19.0 PERTANYAAN

19.1 Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi :

Alamat	Maklumat untuk dihubungi
Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 4, Menara Prisma, No. 26, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3, 62679 Putrajaya	No. Telefon : 03-8885 0797 No. Faks : 03-8885 0798 Laman sesawang : http://fsq.moh.gov.my
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri	Rujuk Lampiran 7

19.2 Sekiranya terdapat permasalahan semasa menggunakan sistem FoSIM, pemohon hendaklah mengemukakan aduan melalui menu E-Aduan di dalam sistem FoSIM tersebut atau emel kepada sdfosim@moh.gov.my.


20.0 RUJUKAN


- Akta Makanan 1983
- Peraturan-Peraturan Makanan 1985
- Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009
- FoSIM : Manual Pelesenan MJA (Pemohon)
- FoSIM : Manual Pelesenan MJA (PKKM)

SENARAI LAMPIRAN DAN JADUAL

Lampiran 1	Carta Alir Permohonan Baru Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan
Lampiran 2	Carta Alir Permohonan Pembaharuan Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan
Lampiran 3	Senarai Semak Permohonan Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan (KKM-MJA 1/2020 Pin. 1)
Lampiran 4	Senarai Makmal Yang Diluluskan Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
Lampiran 5	Senarai Makmal Swasta Yang Diiktiraf Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
Lampiran 6	Syarat-Syarat Pemegang Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air
Lampiran 7	Senarai Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri
Lampiran 8	Format Surat Iringan Bagi Permohonan Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air
Lampiran 9	Contoh Pengiraan Fi Proses Dan Fi Lesen
Jadual A	Jadual Panduan Pensampelan Bagi Pelesenan Mesin Jual Air
Jadual B	Jadual Penghantaran Sampel

CARTA ALIR PERMOHONAN BARU LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR







Nota : PKD/JKN boleh membatalkan permohonan sekiranya MJA tidak mendapat lesen dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh permohonan.

Lampiran 2


CARTA ALIR PEMBAHARUAN LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR





Nota : PKD/JKN boleh membatalkan permohonan sekiranya MJA tidak mendapat lesen dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh permohonan.

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR BAGI MAKSUD
PERDAGANGAN ATAU PERNIAGAAN**

KKM-MJA 1/2020 Pin. 1						
						
BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA						
Senarai Semak Permohonan						
Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan						
PKD/PKB/PKK						
Negeri						
No. Rujukan FoSIM						
Jumlah Mesin Yang Dimohon	buah					
Nama Pemohon						
Jenis Permohonan	Baru	<input type="checkbox"/>	Pembaharuan	<input type="checkbox"/>	Perubahan Lokasi / Sistem Rawatan	<input type="checkbox"/>
Status Kecukupan Dokumen di dalam Sistem FOSIM (Sila tandakan (√))						
Bil.	Perkara	PKD/ PKB/ PKK	JKN			
1	Maklumat Permohonan					
2	Salinan Kad Pengenalan Pemohon					
3	Surat Persetujuan Dengan Pemilik Premis / Pemunya Sumber Bekalan Air Dan Elektrik					
4	Manual Kawalan Keselamatan Air Dari Mesin Jual Air					
4.1	Carta Alir Proses					
4.2	Deskripsi Mesin Jual Air					
4.3	Pembersihan dan Penyelenggaraan					
4.4	Kawalan Bekalan Air					
4.5	Kawalan Produk Akhir					
5	Laporan keputusan analisis air (CoA)					
5.1	Laporan keputusan analisis air (CoA) - Pensampelan Semula Kali Pertama (Jika Berkaitan)					
5.2	Laporan keputusan analisis air (CoA) - Pensampelan Semula Kali Kedua (Jika Berkaitan)					
6	Laporan Verifikasi Mesin Jual Air (Jika ada CAR)					
7	Laporan Tindakan Pembetulan (Jika ada CAR)					
8	Laporan Akhir					

Untuk Diisi Oleh Pegawai PKD/PKB/PKK			
Tarikh Terima		Tarikh Proses	
Status Permohonan	Lengkap	Tidak Lengkap	
Catatan :			
Tarikh Lengkap (Jika Berkaitan)			
Ulasan :			
Keputusan	Disokong	Tidak Disokong	
Diproses oleh:		Disemak oleh :	
Tandatangan			
Nama dan Cop Jawatan			
Tarikh			
Untuk Diisi Oleh Pegawai BKKM, JKN			
Tarikh Terima		Tarikh Proses	
Ulasan :			
Status Permohonan	Mematuhi keperluan pelesenan	Tidak mematuhi keperluan pelesenan	
Diproses oleh:		Diperakukan oleh:	
Tandatangan			
Nama dan Cop Jawatan			
Tarikh			
Untuk Diisi Oleh Pegawai PKKM, Putrajaya			
Tarikh Terima			
Diproses oleh:		Disemak oleh:	Disahkan oleh :
Tandatangan			
Nama dan Cop Jawatan			
Tarikh			
Ulasan			
Keputusan	Diluluskan	Tidak Diluluskan	
Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa			

SENARAI MAKMAL YANG DILULUSKAN OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Bil.	Nama dan Alamat Makmal	No. Telefon	No. Faks	Parameter Analisis
1.	Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia Jalan Sultan, 46661 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan	03-7985 3194	03-7985 3028	Kimia dan Bakteriologi
2.	Pengarah Jabatan Kimia Malaysia Makmal Cawangan Pulau Pinang, Jalan Tuli 10450 Pulau Pinang	04-222 8300	04-222 8333	Bakteriologi
3.	Pengarah Jabatan Kimia Malaysia Makmal Cawangan Perak Jalan Sultan Azlan Shah 31400 Ipoh, Perak Darul Ridzuan	05-546 6001	05-545 1204	Bakteriologi
4.	Pengarah Jabatan Kimia Malaysia Makmal Cawangan Johor Jalan Abdul Samad 80100 Johor Bahru Johor Darul Takzim	07-222 6366	07-223 8366	Bakteriologi
5.	Pengarah Jabatan Kimia Malaysia Makmal Cawangan Sabah Rose Garden, Jalan Penampang 88300 Kota Kinabalu, Sabah	088-259 090	088-259 955	Bakteriologi
6.	Pengarah Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Kuching Lot 3148, Blok 14 Jalan Sultan Tengah, Petra Jaya 93050 Kuching, Sarawak	082-313 011/ 443 960/ 443 966	082-444 623	Kimia dan Bakteriologi

SENARAI MAKMAL SWASTA YANG DIKTIRAF OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

NO.	MAKMAL	NO. SAMM	ALAMAT & NO. TELEFON	PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI	EMEL
1	ALS Technichem (M) Sdn. Bhd.	147	Wisma ALS No. 21, Jalan Astaka 48/84 Seksyen U8, Bukit Jelutong 40150 Shah Alam, Selangor 03-7845 8257	Yeo Siow Yak Dr. Ch'ng Ai Ying	quality@alsglobal.com.my ChngAi.Ying@alsglobal.com
2	Eurofins NM Laboratory Sdn. Bhd.	188	78 & 80, Lorong Perda Selatan 1, Bandar Perda 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang 04-538 8081	Dr Koh Yew Ming Yeap Cheo Mooi	yewmingkoh@eurofins.com yeapcheomooi@eurofins.com
3	Bio Synergy Laboratories Sdn. Bhd.	336	Lot 1109, Mukim Malau, Daerah Kubang Pasu, 06000 Jitra, Kedah 04-916 1288	Khoo Hwa Chuan	hckhoo@biosynergy.com.my
4	My CO2 (PG) Sdn. Bhd.	384	No 16, Lengkok Kikik 1, Taman Inderawasih, 13600 Perai Pulau Pinang 04-380 8282	Ooi Kah Wai Lim Wui Chen	kw.ooi@myco2.com.my wc.lim@myco2.com.my

NO.	MAKMAL	NO. SAMM	ALAMAT & NO. TELEFON	GAWAI UNTUK DIHUBUNGI	EMEL
5	My CO2 (KL) Sdn. Bhd.	564	40, Jalan Sepadu, B25/B, 40470 Shah Alam, Selangor 03-5122 3366	Nyeoh Yeong Sheng	derrick.nyeoh@myco2.com.my
6	BP Environmental Testing Sdn.Bhd.	573	No. 3, First Floor Jalan SS15/4E 47500 Subang Jaya, Selangor 03-5633 5084	ng Chiang Hock Ng Seah Young	ongch@bphealthcare.com ngsy@bphealthcare.com
7	SGS (Malaysia) Sdn. Bhd.	077	Lot 4, Persiaran Jubli Perak, Seksyen 22, 40300 Shah Alam, Selangor 03-5481 8282	Lin Tan Yen Sze Foong Wei Chern	yensze.lintan@sgs.com weichern.foong@sgs.com
8.	My CO2 (JB) Sdn. Bhd.	752	15, Jalan Molek 1/8, Taman Molek, 81100 Johor Bahru, Johor 07-3558811	Woo Fong Yeng	fy.woo@myco2.com

**SYARAT-SYARAT PEMEGANG LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR
BAGI TUJUAN PERDAGANGAN ATAU PERNIAGAAN**

1. Pemegang lesen hendaklah sentiasa memastikan kesemua peruntukan dalam Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya serta Garis Panduan Permohonan Lesen Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan atau Perniagaan dipatuhi.
2. Pemegang lesen hendaklah membenarkan mana-mana pegawai dari Kementerian Kesihatan Malaysia menjalankan sebarang aktiviti pelesenan pada bila-bila masa yang difikirkan perlu.
3. Pemegang lesen hendaklah sentiasa memastikan maklumat lesen yang sah dipamerkan dan mudah dilihat pada mesin jual air.
4. Pemegang lesen hendaklah melaporkan kepada Pengarah tentang sebarang perubahan kepada mesin jual air :
 - i. Perubahan pemilik mesin jual air
 - ii. Perubahan lokasi
 - iii. Perubahan sistem rawatan air yang digunakan
5. Permohonan pembaharuan lesen perlu dikemukakan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh sah laku lesen.
6. Pemegang lesen perlu melaksanakan pemantauan sendiri ke atas air dari mesin jual air sekurang-kurangnya satu (1) kali sebulan yang merangkumi parameter fizikal iaitu warna, bau dan rasa serta direkodkan ke dalam sistem FoSIM.
7. Pemegang lesen perlu menjalankan tindakan pembetulan sekiranya terdapat sebarang risiko pencemaran hasil dari pemantauan sendiri yang dijalankan.
8. Pemegang lesen perlu mematuhi sebarang syarat yang ditetapkan secara bertulis oleh Pengarah dari semasa ke semasa. Kegagalan pemegang lesen dalam mematuhi mana-mana syarat pemegang lesen boleh mengakibatkan lesen digantung atau dibatalkan.

SENARAI BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN, JABATAN KESIHATAN NEGERI

BIL.	ALAMAT	NO. TELEFON DAN NO.FAKS
1.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Perlis KM 1, Jalan Abi Tok Hashim 01000 Kangar, Perlis	Tel : 04-9766989 / 04-9777599 Fax : 04-9776369 / 04-9767419
2.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Kedah Simpang Kuala Jalan Kuala Kedah 05400 Alor Setar, Kedah	Tel : 04-7741000 / 04-7741015 Fax : 04-7741022
3.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang Tingkat 38, KOMTAR 10590 Pulau Pinang	Tel : 04-2625533 / 04-2017245 Fax : 04-2263371
4.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Perak Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab 30590 Ipoh, Perak	Tel : 05-2084200 Fax : 05-2550740
5.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor Tingkat 14, Wisma Sunway Lot 1, Jalan Persiaran Kayangan 40100 Shah Alam, Selangor	Tel : 03-55182121 Fax : 03-55185194 / 03-55185195
6.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Jalan Cenderasari 50590 Kuala Lumpur	Tel : 03-22687333 / 03-22687361 Fax : 03-22687555
7.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan Jalan Rasah 70300 Seremban, Negeri Sembilan	Tel : 06-7664800 / 06-7625231 Fax : 06-7638543
8.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka Tingkat 5, Wisma Persekutuan Jalan Business City, Bandar MITC 75450 Ayer Keroh, Melaka	Tel : 06-2356900 Fax : 06-2345969

BIL.	ALAMAT	NO. TELEFON DAN NO.FAKS
9.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Johor Hospital Permai Lama Jalan Persiaran Permai 81200 Johor Bahru, Johor	Tel : 07-2231102 / 07-2372110 Fax : 07-2367278
10.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Pahang Jalan IM4 Bandar Indera Mahkota 25582 Kuantan, Pahang	Tel : 09-5707750 / 09-5707999 Fax : 09-5707798 / 09-5178497
11.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu Kuala Terengganu Business Centre Jalan Sultan Mohamad 21100 Hiliran Kuala Terengganu, Terengganu	Tel : 09-6226028 Fax : 09-6221385
12.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan Tingkat 7, Bangunan KWSP Jalan Padang Garong 15000 Kota Bharu, Kelantan	Tel : 09-7416736 / 09-7413353 Fax : 09-7471890
13.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah Tingkat 5, Wisma BSN 88000 Kota Kinabalu, Sabah	Tel : 088-248201 / 088-248205 Fax : 088-248215
14.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak Jalan Tun Abang Haji Openg 93590 Kuching, Sarawak	Tel : 082-237853/ 082-250294 Fax : 082-237837
15.	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan Peti Surat 80832 87018 Wilayah Persekutuan Labuan	Tel : 087-596000 ext. 6027 / 087-411702 Fax : 087-419011

Lampiran 8

**FORMAT SURAT IRINGAN BAGI PERMOHONAN LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN
JUAL AIR**

Ruj Kami :

Tarikh :

Pengarah Kanan
Program Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4, Menara Prisma, No. 26 Jalan
Persiaran Perdana, Presint 3 62675
Putrajaya
(u.p : Timbalan Pengarah Cawangan Industri Domestik)

Puan,

**SENARAI PERMOHONAN LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR BAGI
MAKSUD PERDAGANGAN ATAU PERNIAGAAN (BARU/PEMBAHARUAN)***

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Senarai Semak Permohonan Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan yang **disokong/tidak disokong*** bagi pemohon atau syarikat seperti berikut :

Bil.	Nama Pemohon / Syarikat	No. Permohonan (FoSIM)	Bil. MJA

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....

Nama dan Jawatan

***Sila potong yang tidak berkenaan**

CONTOH PENGIRAAN FI PROSES DAN FI LESENSituasi 1

Syarikat A mempunyai enam (6) buah mesin jual air yang diletakkan dalam Daerah A. Oleh itu, syarikat A perlu menghantar permohonan lesen bagi keenam-enam mesin jual airnya ke PKD A. Jumlah fi yang harus dibayar adalah :

Permohonan 1 :

$$\text{RM } 130.00 + \text{RM } 750.00 (\text{RM } 150.00 \times 5 \text{ buah mesin}) = \text{RM}880.00$$

Permohonan 2 :

$$\text{RM } 130.00 + \text{RM } 150.00 (\text{RM } 150.00 \times 1 \text{ buah mesin}) = \text{RM } 280.00$$

Situasi 2

Syarikat A yang sama ingin memohon lesen bagi lima (5) buah mesin jual air tambahan di Daerah A pada masa akan datang, fi proses sebanyak RM130.00 tetap perlu dibayar oleh Syarikat A berserta bayaran fi lesen :

$$\text{RM } 130.00 + \text{RM } 750.00 (\text{RM } 150.00 \times 5 \text{ buah mesin}) = \text{RM } 880.00$$

Situasi 3

Syarikat A mempunyai tiga (3) buah mesin jual air di Daerah A dan lima(5) buah mesin jual air di Daerah B. Oleh itu, jumlah fi yang perlu dibayar adalah :



PKD A



$$\text{RM } 130.00 + \text{RM } 450.00 (\text{RM } 150.00 \times 3 \text{ buah mesin}) = \text{RM } 580.00$$

PKD B

$$\text{RM } 130.00 + \text{RM } 750.00 (\text{RM } 150.00 \times 5 \text{ buah mesin}) = \text{RM } 880.00$$

JADUAL PANDUAN PENSAMPELAN BAGI PELESENAN MESIN JUAL AIR

ANALISIS	KUANTITI SAMPEL	JENIS PEMBUNGKUS	PENGAWET	SUHU PENYIMPANAN	HOLDING TIME	MAKMAL
Bakteriologi						
<i>Total coliform</i> <i>E.coli</i> <i>Clostridium perfringens</i>	250ml x 2	Beg plastik steril 	Tiada	1 - 4°C	24 jam	Jabatan Kimia Malaysia; ~Petaling Jaya ~Perak ~Johor ~Sabah ~Kuching Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan Miri
Kimia						
1. Besi (Fe) 2. Aluminium (Al) 3. Arsenik (As) 4. Plumbum (Pb)	50ml x 2 atau 60ml x 2	<i>Plastic bottle with leak proof stopper</i> 	Titiskan larutan (1+1) asid nitrik (HNO ₃) hingga pH <2	> 0°C hingga 6°C	4 hari	Jabatan Kimia Malaysia; ~Petaling Jaya ~Kuching

ANALISIS	KUANTITI SAMPEL	JENIS PEMBUNGKUS	PENGAWET	SUHU PENYIMPANAN	HOLDING TIME	MAKMAL
Ammonia (NH ₃)	60ml x 2	Amber glass bottle with leak proof stopper 	Titiskan larutan (1+1) asid sulfurik (H ₂ SO ₄) hingga pH <2	> 0°C hingga 6°C	4 hari	Jabatan Kimia Malaysia; ~Petaling Jaya ~Kuching
Nitrit (NO ₂)	50 ml x 2 atau 60 ml x 2	Plastic bottle with leak proof stopper 	Tiada	> 0°C hingga 6°C	4 hari	Jabatan Kimia Malaysia; ~Petaling Jaya ~Kuching

Nota :

1. Bekas sampel perlu disediakan oleh pihak syarikat. Bekas sampel perlu disimpan di tempat yang bersih dan selamat untuk mengelakkan sebarang pencemaran.
2. Sampel yang telah diisi ke dalam bekas sampel, perlu dimasukkan ke dalam bekas yang sesuai semasa penghantaran ke makmal berdasarkan keperluan suhu. Pemohon perlu menyediakan bekas yang sesuai (*cool box / styrofoam box*) dan mengawal suhu sampel dengan menggunakan ais/ *ice pack*. Elakkan penggunaan ais kering (*dry ice*).
3. Kos penghantaran sampel dan kos analisis adalah di bawah tanggungjawab pemohon.
4. Perubahan penggunaan jenis bekas sampel akan dimaklumkan oleh pihak KKM mengikut keperluan semasa.

JADUAL PENGHANTARAN SAMPEL

BIL	PERKARA	PENSAMPELAN DIJALANKAN OLEH	SAMPEL DIHANTAR OLEH	MAKMAL TERLIBAT	PARAMETER
1.	Pensampelan Permohonan Baru	Pegawai PKD/PKB/PKK	Pemohon	Makmal yang diluluskan atau makmal swasta yang diiktiraf oleh KKM	Tiga (3) parameter bakteriologi dan enam (6) parameter kimia
2.	Pensampelan Semula (Permohonan Baru & Pembaharuan)	Pegawai PKD/PKB/PKK	Pemohon	Makmal yang diluluskan atau makmal swasta yang diiktiraf oleh KKM	Parameter yang melanggar sahaja
3.	Pensampelan Pemantauan KKM	Pegawai PKD/PKB/PKK	Pemohon	Makmal yang diluluskan atau makmal swasta yang diiktiraf oleh KKM	Parameter yang ditentukan oleh KKM

PENGHARGAAN

Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan (PKKM) ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penyediaan garis panduan ini.

Penaung

En. Mohd Salim bin Dulatti

Penasihat

Pn. Norrani binti Eksan

Ketua Editor

Pn. Tosiah binti Abdullah

Ahli

En. Shanmugam Supramanium

Pn. Afaf Ruhi binti Abdul Fattah

Pn. Subashini a/p Pallianysamy

Pn. Aimi Syahirah binti Shokarny

Pn. Siti Syahraini binti Mahamed Rusdi

Turut Menyumbang

Semua Jabatan Kesihatan Negeri

Ahli Jawatankuasa Teknikal Air Minuman (JKTAM)

Ahli Jawatankuasa Pelesenan Air Minuman Berbungkus, Air Mineral Semulajadi, Ais dan Mesin Jual Air